

Secure Home

Maklumat Produk Tambahan

Sila baca Maklumat Produk Tambahan ini dengan teliti.

Jadual Manfaat:

Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)		
	Pelan A	Pelan B	Pelan C
Perlindungan untuk semua kandungan isi rumah	15,000	32,000	60,000
Had setiap barang	1,500	3,000	5,000

Nota: Untuk huraian penuh tentang manfaat, sila rujuk kepada Kontrak Polisi.

PENGECUALIAN AM :

Kami tidak akan membayar untuk kerugian atau kerosakan:

- (1) yang disebabkan oleh atau berlaku melalui:
 - (a) kerosakan atau gangguan mekanikal atau elektrik;
 - (b) kehilangan, kekurangan, pengecutan, pengaratan, haus atau lusuh, keburukan sedia ada, kemerosotan atau apa-apa punca lain yang terjadi secara beransur-ansur atau disebabkan oleh rama-rama, vermin atau serangan;
 - (c) sebarang proses pembasuhan, pembersihan, pewarnaan, pemulihan, penyenggaraan, pengubahsuaian atau pembaikan;
 - (d) calar atau kemek pada apa-apa barang atau pemecahan kaca (selain daripada kanta) atau barang yang bersifat rapuh (selain daripada barang kemas) kecuali disebabkan oleh kebakaran atau kecurian;
- (2) kepada wang tunai, wang kertas, cek, sekuriti untuk wang, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, koleksi setem, apa-apa jenis dokumen, buku akaun, manuskrip, pingat, syiling, kenderaan bermotor dan aksesori;
- (3) Jika **Premis** tidak berpenghuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara berturut-turut atau tidak, dalam mana-mana satu **Tempoh Insurans**, di mana perlindungan insurans akan digantung melainkan dipersetujui oleh **Kami** terlebih dahulu melalui **Pengendorsan**;
- (4) disebabkan oleh kecurian apa-apa **Kandungan** yang ditinggalkan di dalam kenderaan atau ditinggalkan di **Tempat Terbuka**;
- (5) jika Anda tidak mengambil semua langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mengelakkan kerugian atau kerosakan pada Kandungan Anda;
- (6) disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (a) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak);
 - (b) dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
 - (c) sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermakna suatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggunakan paksaan atau kekerasan dan/atau ancaman sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletak orang awam atau sebahagian orang awam dalam keadaan ketakutan.

Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontingensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, daripada mana-mana **Kejadian** tersebut akan dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau kontingensi yang tidak dilindungi

oleh insurans ini. **Anda** perlu membuktikan bahawa kerugian, kerosakan atau kontingensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan luar biasa tersebut.

Di dalam sebarang tuntutan, tindakan, guaman atau prosiding lain di mana **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini di mana sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka beban untuk membuktikan kerugian, kerosakan atau kontingensi lain sedemikian yang berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan luar biasa tersebut dan dilindungi oleh insurans ini, adalah bergantung pada **Anda**.

- (7) disebabkan oleh mana-mana perintah Kerajaan, Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan;
- (8) yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
- (9) yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada bahan api nuklear atau daripada sisa nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang mampu bertahan sendiri;
- (10) disebabkan oleh kerugian turutan atau kerosakan dalam apa-apa bentuk akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan.

Premium Kasar (Tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan & Duti Setem):

Premium tahunan yang perlu dibayar adalah berdasarkan pelan yang dipilih oleh anda.

Premium	Pelan A	Pelan B	Pelan C
Premium Tahunan (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) (RM)	115.00	240.00	445.00